

# PM 'menghidupkan' suasana

## muram dalam NAM

**PERDANA Menteri** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendapat perhatian ramai ketika Sidang Umum Pergerakan Erkecuali (NAM) di Jakarta selepas menegaskan endirian negara melalui capan yang berterus terang dan tegas.

Tokoh lain yang dikenali antarabangsa, termasuk pemimpin Cuba, Fidel Castro yang sering menuntut dasar imperialisme Amerika Syarikat dan pemimpin Libya, Muammar Gaddafi, tidak menghadiri persidangan kali ini.

Pemimpin Iraq, Saddam Hussein juga tidak hadir di persidangan ke-10 NAM yang dibuka secara rasmi, Selasa lalu.

Ketiadaan ketiga-tiga tokoh konservatif itu, mengalihkan tumpuan antarabangsa kepada Dr Mahathir sesuai dengan redudukannya sebagai pemimpin dan tokoh antarabangsa di kalangan 100 pemimpin anggota NAM yang hadir.

Ucapan Dr Mahathir yang tegas mengkritik negara maju khususnya Amerika Syarikat menghidupkan suasana forum yang sebelumnya tidak bermaya dan menjadikan beliau pemimpin paling popular di kalangan 2,000 wartawan yang membuat liputan persidangan itu.

Walaupun gaya ucapan beliau tidak dianggap menarik berbanding Saddam Hussein, mesejnya disambut dengan gemuruh oleh perwakilan dunia.

Dr Mahathir memerintah selama 11 tahun dan membawa Malaysia muncul sebagai salah sebuah kuasa ekonomi besar di Asia Tenggara.

Beliau dengan penuh yakin dan secara berterus terang menyampaikan apa yang dianggapnya keadaan sebenar hal-ehwal politik dunia serta membuktikan kewibawaannya dengan membawa Malaysia meningkatkan taraf ekonominya pada kadar lapan peratus sejak empat tahun lalu.

"Alam sekitar, hak asasi manusia dan demokrasi adalah senjata kepada penguasaan ekonomi.

"Tindakan gerila Serb menjalankan penghapusan etnik di Bosnia adalah seumpama dasar Apartheid di Afrika Selatan," kata Dr Mahathir kepada perhimpunan pemimpin Dunia Ketiga itu.

Beliau juga menyentuh mengenai Orde Baru Dunia yang diutarakan oleh Presiden Amerika, George Bush, dan menganggapnya sesuatu yang menakutkan kerana ia adalah tafsiran yang menyeleweng.

Menurutnya, satu-satunya jalan bagi NAM bertindak balas adalah dengan menverah atau menentang falsafah baru pemimpin Amerika itu sejak kemusnahan empayar Soviet Union.

Beliau mengkritik akhbar antarabangsa kerana dikawal oleh kuasa besar kerana Amerika dan Eropah diisytiharkan bertanggungjawab menggunakan kekerasan terhadap Iraq dan pada masa yang sama membiarkan orang Islam Bosnia.

Negara Barat juga dituduh kerana campur tangan di negara membangun.

Mengenai hutang ne-

gara Dunia Ketiga, Perang Teluk dan perubahan struktur emberian kuasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), beliau mengajukan cadangan yang praktikal.

Dr Mahathir yang menyokong campur tangan tentera di Iraq, mencadangkan supaya negara yang berhutang membayar hutang mereka, kecuali negara miskin.

Beliau juga bersetuju dengan anggapan bahawa perluasan kuasa Majlis Keselamatan PBB yang disokong NAM, tidak akan berlaku dalam sekejap mata.

Menjawab pertanyaan wartawan bahawa beliau muncul sebagai pemimpin Dunia Ketiga, Dr Mahathir hanya ketawa dan menyatakan: "Umur saya sudah 68 tahun."

Beliau mempertahankan pendiriannya dan berkata, beliau tidak bermaksud menjadikan NAM sebagai alat menacetuskan konflik dengan kuasa Barat tetapi percaya ia seharusnya menjadi kuasa pengimbang terhadap sebarang monopoli sesebuah blok.

Dr Mahathir mengingatkan wartawan beliau tidak selalu mengkritik Washington.

"Kita bukan berpelembang," katanya sambil menegaskan bahawa Amerika adalah, sumber pelaburan kelima terbesar di Malaysia.

Tidak semua kritikan tegasnya tertumpu kepada Barat. "Malaysia juga mesti berhati-hati dan tidak menyalahkan segala-galanya kepada unsur luar," katanya. — AFP